

27/04/1997

Chimaera kereta sport pertama Malaysia

Nurul Adlina Kamaludin

MALAYSIA sekali lagi mencipta sejarah dalam persada industri automatif antarabangsa berikutan penyertaannya dalam pengeluaran kereta sport berprestasi tinggi.

Malah, TVR Chimaera - kereta sport pertama yang dihasilkan di Malaysia dan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, termasuk antara 10 kereta terbaik di dunia.

Keistimewanya bukan saja terletak pada enjin berkuasa tinggi yang mampu menggegarkan jalan raya atau reka bentuknya yang menawan, tetapi proses penghasilan kereta itu secara keseluruhannya menggunakan tenaga manusia.

Lebih membanggakan, kebanyakan tenaga mahir dan profesional yang terbabit dalam pengeluaran kereta itu membabitkan anak watan Malaysia. Ia dihasilkan melalui usaha sama syarikat tempatan, TVR Sports (Malaysia) Sdn Bhd dan TVR Engineering Ltd, United Kingdom.

TVR Sports (Malaysia) juga menjadi syarikat pertama dilantik secara eksklusif untuk memasang kereta berkenaan di luar Britain. Hampir 90 peratus komponen kereta berkenaan adalah hasil usaha tempatan membabitkan chassis dan bahagian dalaman lain, kecuali enjinnya diimport dari Britain manakala gearnya dari Amerika Syarikat dan Australia.

Kereta sport itu dinamakan Chimaera sempena kehebatan haiwan mitos Greek purba - Chimaera yang digeruni kerana memiliki kuasa misteri.

Bermula di Blackpool, England pada 1947, TVR melalui pelbagai perubahan sehingga mencapai tahap satu daripada kenderaan terbaik abad ini.

Model Chimaera yang harganya bermula daripada RM238,000 seunit, mempunyai keistimewaan berbanding kereta lain kerana struktur badannya diperbuat daripada gentian kaca yang bukan saja ringan, tetapi jauh lebih tahan berbanding keluli.

Malah, ia kukuh dan tidak mudah bengkok atau kemik dengan penggunaan chassis kalis karat. Jika berlaku kemalangan, reka bentuk aslinya masih dapat dipertahankan dan diganti dengan bahan yang sama.

Kereta yang panjangnya 4,015 milimeter (mm) dan lebar 1,865 mm, didatangkan dengan sesaran enjin 4.0 liter V-8.

Model dua tempat duduk itu mempunyai prestasi yang sukar ditandingi kerana enjin 3,950 cc itu mampu memecut 0 hingga 100 km/j dalam masa 4.6 saat saja.

Kereta sport manual lima gear itu yang mempunyai chassis rangka besi yang kalis karat, juga mampu mencapai kelajuan maksimum pada tahap 152 meter sejam.

Lebih istimewa, kereta berkonsepkan mesra alam itu mempunyai alat pengubah mangkin dengan suntikan bahan api elektronik (Efi).

Penghasilan TVR Chimaera bukanlah satu tugas mudah kerana ia memerlukan kemahiran, tumpuan, kesungguhan serta berhati-hati bagi menjamin mutu standardnya yang tinggi dan berprestij.

Tidak hairanlah, sebahagian besar 130 pekerjaanya dihantar ke Britain bagi mengikuti latihan secara intensif dan setiap kereta mengambil masa tiga bulan untuk disiapkan.

Pengeluaran kereta itu membabitkan proses yang rumit, termasuk pemasangan bahagian chassisnya yang diperbuat daripada besi. Selain itu, acuan badannya yang diperbuat daripada gentian fibre-glass dan resin disediakan dengan menyatukan semua bahan mengikut reka bentuknya menggunakan gel E-Coat.

Lapisan demi lapisan dihasilkan membabitkan bahagian pintu, bonet dan but yang dilakukan pada cara yang sama dan dibiarkan kering semalaman.

Bahagian badan itu seterusnya dicantumkan dengan komponen lain dan dibakar dalam oven khas pada tahap 100 darjah Celsius selama 16 jam sebelum digosok dan ditutupi dengan lapisan primer berwarna putih. Selepas itu diwarnakan dengan tujuh warna pilihan metalik dan bukan metalik.

Hiasan dalamannya pula melambangkan prestij dan kemewahan dengan pelbagai ciri unik yang berasaskan penggunaan bahan kulit dan kayu. Steering sport dan pedal kakinya boleh diselaraskan bagi keselesaan pemandu.

Cara membuka pintunya dari dalam juga unik, iaitu hanya dengan menggerakkan sebuah alat khas yang terletak di belakang brek tangan. Pusingan ke kanan untuk membuka pintu pemandu dan sebaliknya bagi penumpang. Untuk mengunci pintu, pemandu juga hanya perlu menekan alat yang sama.

Operasi pengeluaran kereta TVR Chimaera itu secara rasminya bermula Mac tahun lalu dan kumpulan pertamanya dieksport ke Eropah dan Australia pada Ogos tahun yang sama.

Secara purata, kilang di Pelabuhan Klang yang berharga RM20 juta itu mampu mengeluarkan 10 unit kereta TVR Chimaera sebulan dengan keupayaan kapasiti kira-kira 500 unit setahun.

Sehingga kini, 25 unit kereta berkenaan sudah dieskport. Malah, 60 peratus pengeluarannya untuk eksport manakala selebihnya bagi pasaran tempatan.

(END)